

18.4.2024

Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

PARAS AIR SUNGAI MUDA: PBAPP AKAN MELEPASKAN AIR DARI EMPANGAN MENGKUANG YANG DIPERBESARKAN APABILA PERLU

- **Di Kedah, Syarikat Air Darul Aman (SADA) mengumumkan terdapat risiko gangguan bekalan air di Kuala Muda jika paras Sungai Muda terus menyusut berikutan cuaca kering.**
- **Di Pulau Pinang, PBAPP akan melepaskan maksimum 600 juta liter air mentah sehari (JLH) dari Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) jika ia tidak dapat mengabstrak air mentah yang mencukupi dari Sungai Muda.**

PULAU PINANG, Khamis, 18.4.2024: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) kini bersiap sedia untuk melepaskan rizab kemarau strategik Empangan Mengkuang (EMD) yang Diperbesarkan jika ia tidak dapat mengabstrak air mentah yang mencukupi dari Sungai Muda.

Pada 16.4.2024, paras Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang PBAPP di Seberang Perai turun kepada 1.72m, iaitu di bawah “paras selamat 2.0m”. Di Kedah, SADA mengumumkan Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK) dan Pejabat Lembaga Sungai Muda (PLSM) telah meningkatkan jumlah air yang dlepaskan dari Empangan Beris ke Sungai Muda, daripada 864 JLH (10 cume) kepada 1,296 JLH (15 cume).

Pada 17.4.2024, paras air Sungai Muda turun kepada 1.61m di Lahar Tiang. PBAPP terus mengabstrak air mentah yang mencukupi daripada sungai tanpa menggunakan EMD. Walau bagaimanapun, PBAPP juga berjaya menjalankan percubaan pelepasan dari EMD sebagai persediaan untuk senario “kes yang lebih teruk”.

Kapasiti Efektif Empangan Kedah yang melepaskan air ke Sungai Muda

	Kapasiti Maksimum (juta liter – JL)	Kapasiti Efektif
Empangan Muda (Kedah)	160,000	35.69% (17.4.2024)
Empangan Beris (Kedah)	120,000	80.19% (16.4.2024)

Kapasiti Efektif EMD di Pulau Pinang

	Kapasiti Maksimum (juta liter – ML)	Kapasiti Efektif
Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD)	86,400	89.7% (17.4.2024)

EMD berfungsi sebagai sumber “sokongan” cuaca kering yang boleh digunakan jika PBAPP tidak dapat mengabstrak air yang mencukupi dari Sungai Muda.

Pada masa ini, PBAPP mengabstrak kira-kira 1,200 JLH dari Sungai Muda untuk pengeluaran optimum air terawat di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua. LRA ini menghasilkan kira-kira 85% daripada air terawat yang diagihkan di Pulau Pinang setiap hari.

Kapasiti pelepasan maksimum daripada EMD ialah 600 JLH, atau kira-kira 50% daripada air mentah yang diperlukan oleh LRA Sungai Dua untuk beroperasi secara optimum.

Oleh itu, selagi PBAPP dapat mengabstrak 600 JLH air mentah dari Sungai Muda dan melepaskan 600 JLH daripada EMD, sepatutnya tiada gangguan bekalan air tidak berjadual di Pulau Pinang.

Tiada ancaman segera tetapi PBAPP beroperasi pada status “siap siaga yang tinggi”

Sehingga hari ini, tiada ancaman segera terhadap bekalan air di Pulau Pinang yang berkaitan paras air Sungai Muda, berikutan 6 pertimbangan utama berikut:

1. Pada 17.4.2024, apabila paras air pada 1.61m, PBAPP berjaya mengabstrak kira-kira 1,200 JLH dari Sungai Muda untuk menyokong pengeluaran air terawat yang optimum di LRA Sungai Dua.
2. SADA telah mengumumkan bahawa lebih banyak air dilepaskan dari Empangan Beris untuk “mempertahankan” paras air Sungai Muda.
3. Kapasiti efektif Empangan Beris adalah 80.19% pada 16.4.2024.
4. Kapasiti efektif Empangan Muda, yang mungkin juga melepaskan air ke Sungai Muda, adalah 35.69% pada 17.4.2024.
5. PBAPP boleh melepaskan maksimum 600 JLH daripada EMD jika ia tidak dapat mengabstrak air mentah yang mencukupi dari Sungai Muda.
6. Kapasiti efektif EMD adalah 89.7% pada 17.4.2024.



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs



Namun begitu, PBAPP kini beroperasi pada status “siap siaga yang tinggi” kerana Sungai Muda adalah sumber air mentah utama Pulau Pinang.

PBAPP akan memantau paras sungai dengan teliti. Kami akan memberikan kemas kini awam, apabila senario Sungai Muda semakin baik atau semakin merosot.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my